

Penutupan jalan sempena konvokesyen UMS

UB 21/n/n A4

KOTA KINABALU: Orang ramai dimaklumkan bahawa penutupan jalan raya secara berperingkat akan dilakukan bersempena dengan Majlis Perarakan Berjubah Graduan di Bandaraya bersempena dengan Konvokesyen Ke-13 Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

Menurut Pegawai Perhubungan Awam DBKK, Syron A tunggolou, jalan raya yang terlibat adalah bermula dari Jalan Dewan berhampiran Dewan Masyarakat Kota Kinabalu, menuju ke Jalan Bahasa (dekat Menara Jubili) – Jalan Pantai dan berakhir di pekarangan Bangunan DBKK.

“Jalan akan ditutup secara berperingkat bermula jam 9 pagi semasa raptai pada 22 November dan hari sebenar, 24 November,” katanya dalam satu kenyataan kelmarin.